KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KENYATAAN MEDIA

KKDW FOKUS LIMA TERAS DALAM SESI DIALOG BELANJAWAN 2025

PUTRAJAYA, 6 SEPTEMBER- Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) memfokuskan kepada lima teras utama yang terdapat dalam Pelan Strategik, (2021-2025) iaitu Infrastruktur Asas, Ekonomi, Keusahawanan, Modal Insan Dan Sistem Penyampaian dalam Sesi Dialog Belanjawan 2025.

Sesi Dialog yang dipengerusikan oleh YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri KKDW ini membincangkan pandangan dan cadangan yang diterima semasa Sesi dialog secara hybrid yang melibatkan kehadiran secara fizikal di KKDW dan secara atas talian di 14 buah negeri yang dikoordinasikan oleh Pejabat KKDW Negeri dan Agensi-agensi di bawah KKDW

Cadangan hasil sesi ini akan dikemukakan kepada Pasukan Belanjawan, MOF untuk diteliti dan jika berkaitan akan dijadikan sebagai input bagi Ucapan Belanjawan 2025 yang akan dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri pada 18 Oktober 2024.

Penganjuran **Sesi Dialog Belanjawan KKDW 2025** ini adalah selaras dengan **keputusan Kerajaan** pada **12 Julai 2024**, agar semua Kementerian mengadakan sesi dialog belanjawan 2025 bagi mendapatkan pandangan pihak berkepentingan**.**

Objektif penganjuran **Sesi Dialog Belanjawan KKDW 2025** ini ialah untuk membantu **Pasukan Belanjawan, Kementerian Kewangan (MOF)** bagi

memantapkan lagi **penyediaan Ucapan Belanjawan 2025** agar lebih inklusif dengan **mengambil kira input cadangan dan pandangan pihak berkepentingan** yang berkaitan secara langsung dengan kementerian ini.

Antara cadangan serta soalan yang dilontarkan adalah daripada *Nik Nuurhidayah, mewakili Pertubuhan Penduduk Kampung Dusun Durian dan Koperasi Mahligai Agro Pelancongan Lestari Kelantan Berhad yang mencadangkan agar pihak kerajaan untuk menyediakan skim dana khas atau insentif berbentuk geran dan pinjaman mudah kepada pengusaha luar bandar, seperti "Dana Luar Bandar Lestari" seperti smart farming,proses makanan beserta dengan progarn latihan keusahawan berterusan bagi memastikan projek ini dapat diuruskan dengan baik dan mampan.*

*Antara lain, permohonan **pembangunan ameniti sosial di perkampungan orang asli** seperti Meningkatkan prasarana di kawasan OA (jalan/air/elektrik); Wujudkan Dana di Jakoa bagi gantirugi kepada OA yg terlibat dengan kemalangan melibatkan hidupan liar; Penyeleaaian isu pewartaan tanah OA serta; Tingakatkan bantuan persekolahan untuk anak2 OA diperingkat sek rendah dan menengah*

Prof Madya Dr. Muzammil dari Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP) turut melontarkan cadangan bagi **TVET Lestari Desa** iaitu *Mewujudkan lebih banyak program pembangunan belia luar bandar melalui program teknikal dan vokasional dengan kerjasama pihak institusi pengajian tinggi dan pemain industri bagi meningkatkan kemahiran kendiri. Kemahiran ini perlu untuk memastikan penguasaan belia dalam teknologi yang boleh digunapakai dalam pelbagai sektor termasuk pertanian serta pelancongan desa. Setahun dua ini, Perlis dikenali sebagai negeri pelancongan yang telah memberi kesan domino yang telah mewujudkan cafe hipster, homestay inap desa, kelab-kelan hiking dan kelab rekreasi yang dikendalikan oleh para belia.*

Menurut Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, *"cadangan, permohonan dan inisiatif dari sesi dialog ini akan diabstrak dan diperhalusi serta semuanya perlu ada follow through sebelum diangkat kepada Kementerian Kewangan (MoF) untuk pertimbangan Inisiatif Belanjawan 2025,".*

"Kita akan lihat dari segi KPI dan kita juga ada timeline iaitu agenda waktu untuk semua pelaksanaan ini. Fokus YAB Perdana Menteri adalah terhadap pembangunan masyarakat luar bandar, bukan hanya dari segi infrastruktur , tetapi juga modal insan. Oleh itu, penting untuk kita melihat bukan sahaja yang tersurat, tetapi juga yang tersirat dalam setiap perancangan", katanya lagi

Sesi libat urus ini melibatkan kehadiran seramai 1000 orang dengan **250 peserta** menghadiri **Sesi Dialog secara fizikal** yang terdiri daripada **wakil-wakil persatuan perniagaan, dewan perniagaan koperasi, para usahawan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), ahli akademik, persatuan pelajar, wakil komuniti dan anak syarikat** berkaitan serta wakil **agensi-agensi Kerajaan**, **Ketua-Ketua Jabatan** dan **Agensi di bawah KKDW**.

Turut hadir ialah Pengarah Belanjawan Negara dan pegawai-pegawai daripada Pasukan Belanjawan dan Pejabat Belanjawan Negara, Kementerian Kewangan (MOF).

Manakala seramai kira-kira **750 orang** daripada pelbagai lapisan pihak berkepentingan di negeri termasuk Sabah dan Sarawak menghadiri **Sesi** ini **secara dalam talian** yang diselaraskan oleh **sembilan Pejabat KKDW Negeri** dan **lima Lembaga Kemajuan Wilayah (LKW)** dengan kerjasama **Jabatan dan agensi KKDW** di negeri-negeri iaitu Jabatan Kemajuan Orang Asli (**JAKOA**), Jabatan Kemajuan Masyarakat Malaysia (**KEMAS**) Majlis Amanah Rakyat (**MARA**), Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (**RISDA**), Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (**FELCRA**).

Jemputan terdiri daripada wakil-wakil **persatuan perniagaan, dewan perniagaan koperasi, para usahawan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), ahli akademik, wakil-wakil komuniti, persatuan pelajar dan pelbagai lagi.**

Pada tahun 2024, KKDW telah diperuntukkan sebanyak RM11.55 bilion merangkumi Bajet Mengurus RM4.11 bilion (35.58%) dan Bajet Pembangunan RM7.44 bilion (64.42%).

Tamat

Disediakan
Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
6 September 2024